

27/08/1998

Pemuda, Wanita PBB penggerak rakyat

KUCHING, Rabu - Pergerakan Pemuda dan Wanita Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) tidak seharusnya bertindak sebagai golongan pendesak, sebaliknya menjadi penggerak tenaga rakyat ke arah menuju era kemajuan lebih pesat.

Ini sejajar dengan realiti baru yang menyaksikan perubahan sikap rakyat yang moden, meninggalkan cara kehidupan tradisional serta sentiasa bergerak ke hadapan dengan keyakinan diri.

Yang Dipertua PBB, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, berkata ia juga selari dengan kejayaan paling besar yang dikecapi Sarawak setakat ini yang mana semua kaum di negeri ini sudah sedar mengenai kesamarataan hak yang mereka nikmati dalam semua bidang.

Katanya, rakyat Sarawak pada hari ini sudah menyingkirkan cara pemikiran lama yang tidak mempunyai keyakinan diri, cepat kecewa dan marah, tanpa memikirkan cara untuk bertindak ke arah kemajuan diri, bangsa, agama dan negeri.

"Sehubungan itu, sekarang sudah tidak ada dalih untuk kita dalam PBB mengatakan bahawa sebagai pergerakan politik, kita masih jahil terhadap apa yang berlaku dalam masyarakat kita sendiri.

"Kita sudah tahu apa patut kita buat untuk masa depan dan nasib rakyat. Dalam masa sama kita harus berusaha sedaya upaya mempertahankan perpaduan yang wujud dikalangan semua kaum dan bukannya bertindak sebagai golongan pendesak," katanya.

Ketua Menteri berkata demikian sewaktu berucap merasmikan Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita PBB, di Damai Lagoon, kira-kira 42 kilometer dari sini, hari ini.

Hadir sama dan turut berucap ialah Ketua Pergerakan Pemuda PBB, Datuk Celestine Ujang anak Jilan dan Ketua Pergerakan Wanita PBB, Datin Paduka Sharifah Mordiah Tuanku Fauzi.

Taib berkata, kedua-dua pergerakan itu juga harus bergerak berasaskan konsep mobiliti iaitu konsep bertindak, kerana hasrat mahu maju dan merebut peluang baru di mana sahaja.

"Kita tidak seharusnya mengamalkan konsep suka mendesak dan kemudian menanti kerajaan untuk bertindak melaksanakan desakan kita seperti yang berlaku di sesetengah negara yang baru merdeka," katanya.

Menurutnya, kedua-dua pergerakan itu juga perlu menggaris arah perjuangan agar selari dengan hala tuju realiti baru.

Katanya, mereka harus melupakan pemikiran kuno yang menyaksikan sikap berpuak-puak serta sikap suka menindas antara satu kaum dengan yang lain.

"Kita perlu bersatu dan mengeratkan lagi perpaduan yang sedia terjalin. Hanya dengan cara itu kita mampu mengecapi kemajuan lebih pesat dan membawa rakyat mencapai matlamat realiti baru," katanya.

Sementara itu ke arah meningkatkan penceburan wanita dalam bidang perniagaan di negeri ini, Taib mengumumkan peruntukan RM5 juta untuk wanita di negeri ini menceburi bidang berkenaan, untuk tempoh lima tahun dari sekarang.

Sementara itu, Pergerakan Pemuda PBB menyatakan sokongan dan keyakinan penuh terhadap kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam menangani kegawatan ekonomi negara.

Serentak itu, pergerakan berkenaan turut menyokong semua usaha Kerajaan Pusat dan negeri untuk memulihkan ekonomi negara.

Ketua Pergerakan Pemuda PBB, Datuk Celestine Ujang anak Jilan, berkata

pergerakan itu turut menyokong penuh usaha Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang akan menyiarkan laporan mengenai kemajuan pelaksanaan cadangan yang termaktub di dalam Pelan Pemulihan Ekonomi Negara (PPEN).

(END)